



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
JUN 2026



**PUASA SUNAT BULAN MUHARAM
(TASU'A & ASYURA)**

12 JUN 2026 | 26 ZULHIJAH 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang jemaah yang dirahmati Allah ﷻ,

Allah ﷻ telah berfirman dalam surah at-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِلُوا
الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah ugama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa.*”



Ayat yang dibacakan tadi mengingatkan kita bahawa Allah ﷻ telah memuliakan beberapa bulan tertentu dalam Islam, antaranya ialah bulan Muharram yang termasuk dalam bulan-bulan haram.

Kemuliaan bulan ini hendaklah diisi dengan amal soleh dan ketaatan kepada Allah ﷻ. Antara amalan yang sangat digalakkan dalam bulan Muharram berpuasa sunat iaitu puasa 10 hari awal Muharam khususnya pada hari Tasu'a (9 Muharam) dan Asyura (10 Muharam). Bahkan Baginda ﷺ menjelaskan bahawa puasa Asyura menjadi sebab pengampunan dosa setahun yang lalu sebagaimana hadis riwayat Imam Muslim:

وَصِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ

Yang bermaksud: *“Dan berpuasa pada hari ‘Asyura sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah agar ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun yang sebelumnya.”*

Sidang jemaah yang dikasihi Allah ﷻ

Kemuliaan bulan Muharram ini juga mengajar kita bahawa setiap suruhan dan larangan Allah ﷻ mempunyai hikmah dan tujuan dalam mendidik manusia. Segala ibadah yang disyariatkan bukan untuk membebaskan, tetapi untuk membimbing manusia menjadi hamba yang lebih taat dan berakhlak. Contohnya ibadah puasa menjadi latihan



untuk membentuk disiplin, mengawal hawa nafsu dan mendidik jiwa agar sentiasa tunduk kepada perintah Allah ﷻ. Demikian juga, setiap kewajipan dalam Islam tidak membebankan seseorang melainkan menurut kadar keupayaannya. Ini menunjukkan bahawa Islam ialah agama yang sesuai dengan fitrah manusia dan mampu membina insan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Sidang jemaah sekalian,

Hari Asyura mengingatkan kita kepada peristiwa besar Nabi Musa ﷺ dan pengikutnya diselamatkan daripada kezaliman Firaun. Allah ﷻ berfirman dalam surah Taha ayat 80 yang bermaksud:

“Wahai Bani Israel, sesungguhnya Kami menyelamatkan kamu daripada musuhmu, dan Kami telah mengadakan perjanjian (dengan memberikan wahyu kepada Musa) di sebelah kanan Gunung Tursina! Dan Kami menurunkan kepada kamu Manna dan Salwa.”

Peristiwa ini menjadi pengajaran besar tentang kemenangan kebenaran, kekuatan iman dan pertolongan Allah ﷻ kepada hamba-hamba-Nya yang beriman. Oleh sebab itu, Rasulullah ﷺ menggalakkan umat Islam berpuasa pada hari Asyura sebagai tanda syukur kepada Allah ﷻ atas nikmat dan pertolongan-Nya.



Sidang jemaah yang dirahmati Allah ﷻ

Sucikanlah diri dalam bulan Muharram ini dengan menjauhi perkara mungkar sama ada dosa kecil atau dosa besar. Dosa boleh terjadi disebabkan oleh kesalahan kita terhadap Allah ﷻ atau kesalahan kita sesama manusia. Ada pun kesalahan dengan Allah ﷻ khususnya dosa-dosa besar, perlu bertaubat dengan taubat nasuha, manakala dosa-dosa kecil boleh terhapus dengan ketaatan yang kita lakukan. Namun, dosa dengan manusia hanya terhapus dengan kemaafan mereka khususnya dengan orang yang dizalimi.

Oleh itu, gunakanlah kesempatan dalam bulan ini untuk memperbaharui diri dengan meningkatkan iman, memperbanyak amal ibadah, membina sifat terpuji, beristighfar dan saling bermaafan. Kedatangan tahun baharu Hijrah juga wajar dijadikan dorongan untuk kita menjadi Muslim yang lebih taat dan lebih dekat dengan Allah ﷻ.



Sidang jemaah yang dikasihi Allah ﷺ

Sebagai penutup khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil beberapa pengajaran penting daripada bulan Muharram:

Pertama, puasa 10 hari awal Muharam khususnya pada 9 dan 10 Muharam (Tasu'a dan Asyura) mempunyai kelebihan yang besar di sisi Allah ﷻ.

Kedua, puasa ini menjadi tanda kesyukuran kepada Allah ﷻ atas nikmat dan pertolongan-Nya.

Ketiga, bulan Muharram hendaklah dijadikan titik permulaan untuk meningkatkan amal soleh dan meninggalkan kemungkarannya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ

سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ



وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا
نُورَنَا وَاعْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.